

KRITERIA PENCALONAN HADIAH BUKU INOVASI MTDC

Nota:

Segala ketetapan terdahulu berkaitan Hadiah Buku Inovasi MTDC tidak lagi terpakai selepas dokumen ini dikeluarkan.

Tarikh: 25 April 2024

1.0 NAMA PROGRAM

- 1.1 Hadiah ini dinamakan **Hadiah Buku Inovasi MTDC**, sumbangan daripada Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. bagi tesis terbaik berkaitan polisi, insentif dan pengurusan inovasi dan teknologi/ pengkomersialan/ pemindahan teknologi/ adaptasi teknologi oleh usahawan/ pembiayaan keusahawanan/ pembangunan inkubator/ pembangunan keusahawanan/ pembangunan ekosistem perniagaan berteknologi/ pembangunan Industri 4.0 dan yang berkaitan dengannya/ pembangunan teknologi mendalam/ pembangunan teknologi pelaburan; matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) dan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

2.0 KRITERIA PENCALONAN

- 2.1 Graduan Doktor Falsafah dalam Penyelidikan Sains Sosial dan Sains & Teknologi;
- 2.2 Warganegara Malaysia;
- 2.3 Berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa;
- 2.4 Memperoleh keputusan peperiksaan lisan berstatus samada Baik atau Cemerlang sahaja;
- 2.5 Melengkapkan pengajian dalam tempoh:
- **Doktor Falsafah: tidak melebihi 12 Semester.**
- 2.6 Menghasilkan output penyelidikan seperti berikut:
- Penerbitan makalah dalam jurnal berimpak tinggi (WoS/Scopus) atau terindeks; atau
 - Prosiding terindeks; atau
 - Bab dalam buku; atau;
 - Lain-lain kecemerlangan (memenangi anugerah yang berkaitan).
- 2.7 Tesis yang dikemukakan mestilah yang berkaitan dengan:
- Polisi, Insentif dan pengurusan inovasi dan teknologi; atau
 - Pengkomersialan/pemindahan teknologi; atau
 - Adaptasi teknologi oleh usahawan; atau
 - Pembiayaan keusahawanan; atau
 - Pembangunan inkubator; atau
 - Pembangunan keusahawanan; atau
 - Pembangunan ekosistem perniagaan berteknologi; atau
 - Pembangunan Industri 4.0 dan yang berkaitan dengannya; atau
 - Pembangunan teknologi mendalam; atau
 - Pembangunan teknologi pelaburan; atau
 - Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs); atau
 - Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).
- 2.8 Calon tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib Universiti dan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang bercanggah dengan Akta Universiti dan salah laku penyelidikan.

3.0 HADIAH

- 3.1 Hadiah dalam bentuk wang tunai **RM3,000.00** (Ringgit: Tiga Ribu Sahaja) dan hadiah buku bernilai **RM500.00** (Ringgit: Lima Ratus Sahaja).
- 3.2 Hanya satu pemenang akan dipilih pada setiap tahun.

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Sekretariat bagi Hadiah Buku Inovasi MTDC adalah Sekolah Pengajian Siswazah UPM (SGS), Sekolah Pengajian Siswazah UTM (SPS), Pusat Siswazah UKM dan Institut Pengajian Siswazah UiTM (IPSiS UiTM).
- 4.2 Fakulti/Institut perlu mengemukakan pencalonan yang diperakukan kepada pihak sekretariat iaitu Sekolah Pengajian Siswazah, UPM / Sekolah Pengajian Siswazah, UTM / Pusat Siswazah UKM / Institut Pengajian Siswazah, UiTM.
- 4.2 Pencalonan akan dinilai oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti dengan keahlian yang terdiri dari:
 - i. Wakil universiti;
 - ii. Wakil Sekolah Pengajian Siswazah/Pusat Siswazah/Institut Pengajian Siswazah.
 - iii. Wakil Fakulti/Institut yang dilantik; dan
 - iv. Wakil MTDC.Jawatankuasa bertanggungjawab membuat penilaian dan pemilihan calon yang akan dimajukan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Hadiah Universiti untuk diperaku.
- 4.3 Nama pemenang **Hadiah Buku Inovasi MTDC** (UPM, UKM, UiTM) dan **Anugerah Kecemerlangan Inovasi MTDC** (UTM) akan disenaraikan dalam buku cenderamata Konvokesyen universiti.
- 4.4 Satu salinan tesis perlu dikemukakan kepada pihak MTDC untuk rujukan dan rekod.
- 4.5 **Hadiah/Anugerah diberikan pada Majlis/Istiadat Konvokesyen universiti.**
- 4.6 **Pemenang akan dijemput menyertai program-program anjuran MTDC.**

Disediakan oleh:

*Program Unit, Infrastructure and Excellence Department
Malaysian Technology Development Corporation*

Tarikh dikemaskini:

- 1. 15 Mac 2021
- 2. 1 November 2023
- 3. **25 April 2025**